

**Pemimpin bukan Islam PAS tertakluk penilaian  
MalaysiaKini.com  
March 2,2012  
Dr Dzulkefly Ahmad**

Wacana "Mengapa Undi Melayu Pecah" anjuran Sinar Harian (SH) dari Kumpulan Karangkruf berlangsung pada 28 Februari lalu. Rata-ratanya ia ditanggapi sebagai hangat, tegang tetapi lancar dan terkawal.

Mereka yang gagal untuk hadir dalam dewan menonton melalui Internet - @SinarOnline dan @Mobtv.my. Liputannya dibuat dalam dua keluaran SH dan secara verbatim, mengikut maklumat pihak pengurusan SH.

Dalam hampir 3 jam perbincangan bersekalikan dengan sidang akhbar yang menghuraikan pelbagai isu di sekitar tajuk wacana, amat malang sekali, ada pihak yang memanipulasi laporan wacana ini dengan sengaja mengengahkan dan kini 'memporak perandakan' minda rakyat yang tampaknya bermotifkan politik.

Paling mutakhir seorang mantan perdana menteri juga tumpang semangkuk, sekali gus dengan lebih jelas membuktikan bagaimana pihak media yang andainya tidak cermat atau juga punyai agenda tertentu akan terpalit untuk memenangkan sesuatu tumpuan umum dalam memobilisasi pandangan awam.

Lebih malang lagi bila saya kesani ada segelintir kecil pihak PAS sendiri yang terpengaruh meminta saya tarik balik kenyataan saya. Kenyataan apa, kalau boleh saya tanya.

Nyata bahawa Wacana 'Mengapa Undi Melayu Pecah' yang saya kira sihat dan informatif, kini telah diheret pihak tertentu secara sengaja atau tidak bagi menonjolkan isu 'PAS bersedia di pimpin bukan-Islam'.

Bukan tajuk wacana sama sekali, tetapi itulah nasib panelis, yang mesti menjadi peringatan yang bakal bersetuju menjadi panelis. Satu perkara atau isu, yang awalnya ditanggapi isu sampingan atau side-dish menjadi habuan utama atau main meal bagi lawan politik atau pihak tertentu.

Rakaman verbatim

Saya diingatkan supaya tulis penjelasan ini ringkas tetapi jelas. Biar orang kampung semua boleh faham. Saya cuba insya-Allah. Untuk tujuan tersebut saya mendengar rakaman verbatim dalam @Mobtv.my beberapa kali dan telah pun meminta pegawai saya menyalinnya.

Justeru yang tidak hadir dan tidak dengar perbincangan 3 jam itu tetapi mahu membuat kenyataan rasmi seperti Tun, termasuk ramai dalam media sosial lain, tolong beri perhatian yang serius.

Soalan dari moderator Dr Maszlee adalah: "Apakah PAS bersedia untuk melantik timbalan presiden daripada kalangan bukan Islam seperti Ikhwan Muslimin baru-baru ini."

Tekuni jawapan saya:

"Perkara seperti ini bukan perkara-perkara prinsip yang tetap. Dalam (syariat) Islam ada 2 perkara - kategori (hukum).

"Satu, perkara-perkara 'tetap' yang tidak boleh ubah dikatakan al-thawabit. (Tetapi) ini perkara-perkara dalam ruang lingkup Ijtihad dan yang dikatakan sebagai al-mutaghiyyaraat. Dua perkara ini kita mesti bezakan atas apa susun atur politik itu semua perkara-perkara yang boleh berubah.

"Pada perkara yang boleh berubah kita ubah pada waktu dan tuntutan. Ini perkara... PAS berani

berubah! Ada perkara yang tetap tapi ada perkara yang tertakluk kepada perubahan... Jadi kita boleh bersedia untuk menerima perubahan dan pindaan seperti itu."

Pandangan al-Mawardi

Pada persoalan: Jangka masa? Bila? Jawab saya: "Ha! Jangka waktu itu segalanya tertakluk kepada needs atau keperluan. Ya! Terima kasih."

Ketika saya diasak soalan tambahan: "Keadaan sekarang needs tu dah?"

Jawab saya: "Mungkin belum ada needsnya (keperluannya) tapi kalau dah diutarakan kita akan bincang dan di muktamar kita putuskan bersama."

Pada soalan: "Belum dibawa?"

Jawapan saya: "Belum lagi. Ini Dr Mazlee pertama kali dengar ini. Tapi kalau perkara itu dah menekan, sebab apa... sebab itu mengikut katanya peredaran...peredaran zaman ya.... Dan Islam itu mampu menangani peredaran zaman. Itu yang dimaksudkan... Its able to withstand the challenges of time dan realities. Ini perkara-perkara yang tentunya pada masa mendatang kita akan hadapi pada waktunya dan kemaslahatan kepentingannya."

Nah itulah jawapan saya yang telah mencetuskan kontroversi.

Persoalan besar yang ramai menunggu penjelasan ialah mengapa saya berpendirian sedemikian. Ini hujah saya secara ringkasan sahaja bersandarkan hujah yang dikemukakan oleh Imam al-Mawardi dalam Kitabnya Al-Ahkam Al-Sultaniyyah (Beirut).

Al-Mawardi membezakan jawatan dalam kerajaan (dan ada ulama yang qiyaskan dalam parti jamaah Islam). kedudukan nombor satu yang disebutkan sebagai wazir tafwidh tidak boleh diberikan kepada bukan Islam tetapi pada kedudukan wazir tanfidz (menteri-menteri kabinet yang lain atau jawatan lain dalam organisasi), maka ianya boleh sahaja dilantik dan diserahkan kepada orang bukan-Islam.

(Wa yajuzu an yakunu hadhal wazir min ahli dhimmah wa in lam yajuz an yakunu wazir al-tafwidh min hum.) -- al-Ahkam Al-Sultaniyyah

Tidak perlu jumud

Bila saya menjawab dengan positif pada soalan moderator saya cukup jelas landasan dan sandaran saya. Kedudukan nombor satu presiden atau perdana menteri adalah bersamaan dengan kedudukan wilayah tafwidh tetapi pimpinan yang lain, timbalan-timbalan bahkan naib-naibnya juga boleh sahaja dibanyakkan jumlahnya dan disusun-atur mengikut kepentingan fasa perjuangan. Ini perkara ijtihadiyyah dan jelas tertakluk kepada 'penilaian berterusan'.

Kita tidak perlu jumud dan beku kerana saya bercakap dengan rangka masa depan. Dulu kita tidak ada Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) tetapi kini sudah ada. Saya boleh bayangkan satu hari nanti kalau ia membesar sehingga akan berlaku pindaan perlembagaan PAS yang mencadangkan supaya ketua dewan dijadikan salah seorang naib presiden, satu unjuran yang amat munasabah. Mungkin makan satu atau dua dekad lagi.

Saya cukup jelas dengan kedudukan Majlis Syura Ulama dan muktamar yang sentiasa menjaga landasan parti supaya tidak tergelincir. Tetapi parti mempunyai ruang yang cukup luas dalam pentadbiran, organisasi dan pendekatan (strategi) perjuangan, yang semestinya sentiasa mengalami 'pembaharuan' dan renewal (tajdid) namun dibuat melalui saluran dan kaedahnya.

Pokoknya saya tidak kira wajar mengelak berulang situasi di mana kita tolak dan kita sempitkan apa yang sebenarnya luas dan boleh sahaja dilakukan, tetapi atas dakwaan menjaga 'jati diri' atau 'keaslian', ada

yang kurang senang bekerjasama dengan kelompok dan parti yang tidak berteraskan Islam.

Namun apabila PAS mahu wujudkan tahaaluf atau 'muafakat politik' ahli dan umum, tampak di kaca mata golongan ini bahawa kita semacam berbolak-balik. Sebenarnya tidak demikian, sebab itu penting membuat penjelasan awal dan jangan takut menyatakan kebenaran secara berani.

Ini sebab kita tidak terangkan bahawa ia boleh sahaja berubah atas tuntutan masalah fasa perjuangan dalam rangka Ijtihad parti oleh kepimpinan tertinggi dan Majlis Syura Ulama.

Saya tidak hairan Tun Mahathir Mohamad memutarbelitkan kenyataan saya secara cukup tidak sopan ketika mencadangkan YB Lim Kit Siang supaya menjadi presiden PAS, sekiranya al-Quran pun Tun boleh putar-belit dengan mengatakan bahawa dalam Al-Quran pun tidak ada hukum Hudud dan hukum Hudud tidak adil. (Konvensyen Kebangsaan Politik dan Patriotisme, K2P, 26 Feb, 2012, di UNIMAS)

Saya cadangkan Tun tumpukan menjelaskan dakwaan bahawa dalam era pemerintahannya sebanyak AS\$100 (RM330bilion) hangus kerana ketirisan dan rasuah dalam pengurusan kewangan yang tempang.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/190846>